



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 54
No. 26

1hb Januari 2011

TAMBAHAN No. 160
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 1.

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006

**PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR
(KUMPULAN WANG SUMBANGAN MODAL PEMBETUNGAN) 2011**

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Kadar sumbangan
4. Bayaran sumbangan
5. Pembayaran balik bayaran sumbangan berlebihan
6. Cara bayaran

JADUAL

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006

PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR
(KUMPULAN WANG SUMBANGAN MODAL PEMBETUNGAN) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 172(2) dan perenggan 179(c) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [*Akta 655*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini boleh dinamakan **Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetulan) 2011**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2011.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“harga jualan” berhubung dengan harga—

- (a) bangunan yang diniatkan untuk dijual dan telah dijual, tidak termasuk bangunan spesifik, ertinya harga jualan yang dinyatakan dalam perjanjian jual dan beli; atau
- (b) bangunan kediaman yang diniatkan untuk dijual tetapi belum dijual, tidak termasuk bangunan spesifik, ertinya harga jualan bagi unit tersebut yang dikemukakan kepada Pengawal bagi permohonan permit iklan dan jualan di bawah Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989 [*P.U. (A) 58/1989*];

“bangunan spesifik” ertinya bangunan kediaman kos rendah, sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan, rumah ibadat, bangunan komuniti dan bangunan kebajikan;

“Kumpulan Wang” ertinya Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetulan yang ditubuhkan di bawah seksyen 172 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [*Akta 655*];

“nilai pasaran” ertinya nilai—

- (a) bangunan yang tidak diniatkan untuk dijual, tidak termasuk bangunan spesifik; atau
- (b) bangunan yang diniatkan untuk dijual tetapi belum dijual, tidak termasuk bangunan kediaman dan bangunan spesifik,

yang dinilai oleh penilai berdaftar dalam tempoh tiga bulan sebelum sumbangan kepada Kumpulan Wang dibuat;

“pemeriksaan akhir” ertinya pemeriksaan yang dijalankan oleh Suruhanjaya untuk menentukan sistem pembetulan dibina mengikut reka bentuk yang diluluskan dan disiapkan dalam keadaan berfungsi;

“penilai berdaftar” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen-Ejen Harta Tanah 1981 [Akta 242];

“bilangan penduduk setara” ertinya setara dari segi bilangan penduduk tetap bagi suatu penduduk yang berubah-ubah atau yang tinggal sementara bagi sisa domestik dari sektor termasuklah kediaman, komersial dan industri yang menyumbang aliran ke dalam proses rawatan pembetulan.

Kadar sumbangan

3. (1) Sumbangan kepada Kumpulan Wang yang dibuat oleh mana-mana pemaju atau orang yang disebut dalam subseksyen 172(2) Akta hendaklah pada kadar sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Bagi maksud pengiraan sumbangan bagi butiran 2 dan 3 dalam Jadual Pertama, bilangan penduduk setara bagi jenis premis atau establimen yang berkenaan hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(3) Walau apa pun subperaturan (1), sumbangan kepada Kumpulan Wang yang dibuat oleh mana-mana pemaju atau orang yang berhubungan dengan bangunan spesifik hendaklah pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

Bayaran sumbangan

4. (1) Bayaran sumbangan yang disebut dalam peraturan 3 hendaklah dibuat kepada Suruhanjaya sekali gus dan dalam hal—

- (a) bangunan yang disambungkan ke suatu pembetung awam, dalam tempoh tiga puluh hari sebelum notis pemeriksaan akhir dikemukakan kepada Suruhanjaya oleh pemaju atau orang yang disebut dalam peraturan 3;
- (b) suatu tempat rawatan kumbahan tanpa kemudahan pemprosesan enap cemar atau penjana kuasa tunggu sedia atau kedua-duanya, dalam tempoh tiga puluh hari sebelum notis pemeriksaan akhir dikemukakan kepada Suruhanjaya oleh pemaju atau orang yang disebut dalam peraturan 3; atau
- (c) tangki septik atau tangki septik komunal yang menghendaki suatu kemudahan pemprosesan enap cemar di luar tapak, apabila perakuan pemasangan dan penyiapan mengikut reka bentuk yang diluluskan dikemukakan kepada Suruhanjaya oleh pemaju atau orang yang disebut dalam peraturan 3.

Pembayaran balik bayaran sumbangan berlebihan

5. (1) Jika pemaju atau orang yang disebut dalam peraturan 3 mendapati bahawa terdapat bayaran sumbangan berlebihan kepada Kumpulan Wang, pemaju atau orang itu boleh membuat permohonan bertulis kepada Suruhanjaya bagi membayar balik bayaran berlebihan itu.

(2) Suruhanjaya hendaklah, apabila permohonan diterima dan berpuas hati bahawa terdapat bayaran sumbangan berlebihan kepada Kumpulan Wang, membayar balik bayaran berlebihan itu kepada pemaju atau orang itu tanpa bunga dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penentusahan bayaran berlebihan itu oleh Suruhanjaya.

Cara bayaran

6. (1) Sumbangan kepada Kumpulan Wang hendaklah dibuat melalui pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank kepada “Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara” dan dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja”.

(2) Sumbangan hendaklah diserahkan secara kediri atau dihantar melalui pos berbayar kepada Suruhanjaya.

(3) Suatu resit hendaklah dikeluarkan oleh Suruhanjaya kepada pemaju atau orang yang membuat sumbangan kepada Kumpulan Wang.

JADUAL PERTAMA

[Subperaturan 3(1)]

KADAR SUMBANGAN BAGI BANGUNAN SELAIN BANGUNAN SPESIFIK

<i>No.</i>	<i>Kategori Sumbangan</i>	<i>Kadar</i>
1.	<p>Mana-mana pemaju atau orang yang membina bangunan yang berikut dan menyambungkan bangunan itu ke suatu pemetung awam:</p> <p>(a) bangunan yang diniatkan untuk dijual dan telah dijual;</p> <p>(b) bangunan kediaman yang diniatkan untuk dijual tetapi belum dijual;</p> <p>(c) bangunan yang tidak diniatkan untuk dijual;</p> <p>(d) bangunan yang diniatkan untuk dijual tetapi belum dijual, tidak termasuk bangunan kediaman dalam perenggan (b).</p>	<p>1.00% daripada harga jualan setiap unit</p> <p>1.00% daripada harga jualan setiap unit</p> <p>1.00% daripada nilai pasaran setiap unit</p> <p>1.00% daripada nilai pasaran setiap unit</p>

<i>No.</i>	<i>Kategori Sumbangan</i>	<i>Kadar</i>
2.	Mana-mana pemaju atau orang yang membina tempat rawatan kumbahan tanpa kemudahan pemprosesan enap cemar atau penjana kuasa tunggu sedia atau kedua-duanya.	RM5 bagi setiap bilangan penduduk setara
3.	Mana-mana pemaju atau orang yang membina tangki septik atau tangki septik komunal yang menghendaki suatu kemudahan pemprosesan enap cemar di luar tapak.	RM120 bagi setiap bilangan penduduk setara

JADUAL KEDUA

[Subperaturan 3(2)]

BILANGAN PENDUDUK SETARA

<i>Jenis Premis/Establismen</i>	<i>Bilangan Penduduk Setara</i>
Kediaman	5 bagi setiap rumah
Komersial	
Hotel	4 bagi setiap bilik
Pasar (jenis basah)	3 bagi setiap gerai
Pasar (jenis kering)	1 bagi setiap gerai
Kios petrol/stesen perkhidmatan	15 bagi setiap tandas
Terminal bas	4 bagi setiap ruang bas
Terminal teksi	4 bagi setiap ruang teksi
Stadium	0.2 bagi setiap orang
Kolam renang/kompleks sukan	0.5 bagi setiap orang
Tandas awam	15 bagi setiap tandas
Lapangan terbang	0.2 bagi setiap penumpang dan 0.3 bagi setiap pekerja
Dobi	10 bagi setiap mesin
Padang golf	20 bagi setiap lubang
Lain-lain (Termasuk pejabat, kompleks membeli-belah, pusat hiburan/rekreasi, restoran, kafeteria dan teater)	3 bagi setiap 100m ² luas kasar
Industri	
Kilang	0.3 bagi setiap pekerja
Jenis premis yang lain	
Sekolah/Institusi pendidikan:	
(a) Sekolah/institusi harian	0.2 bagi setiap pelajar
(b) Asrama penuh	1 bagi setiap pelajar
(c) Asrama separa	0.2 bagi setiap pelajar tidak berasrama dan 1 bagi setiap pelajar berasrama
Penjara	1 bagi setiap orang
Hospital	4 bagi setiap katil

JADUAL KETIGA

[Subperaturan 3(3)]

KADAR SUMBANGAN BAGI BANGUNAN SPESIFIK

No.	Kategori Sumbangan	Kadar
1.	<p>Mana-mana pemaju atau orang yang membina bangunan spesifik yang berikut dan menyambungkan bangunan spesifik itu ke suatu pembetung awam:</p> <p>(a) bangunan kediaman kos rendah</p> <p>(b) rumah ibadat</p> <p>(c) sekolah kerajaan atau bantuan kerajaan</p> <p>(d) bangunan komuniti</p> <p>(e) bangunan kebajikan</p>	<p>RM1000 bagi setiap projek</p> <p>RM100 bagi setiap projek</p> <p>RM1000 bagi setiap projek</p> <p>RM100 bagi setiap bangunan</p> <p>RM100 bagi setiap bangunan</p>
2.	<p>Mana-mana pemaju atau orang yang membina tempat rawatan kumbahan tanpa kemudahan pemprosesan enap cemar atau penjana kuasa tunggu sedia atau kedua-duanya berhubung dengan bangunan spesifik seperti yang berikut:</p> <p>(a) bangunan kediaman kos rendah</p> <p>(b) rumah ibadat</p> <p>(c) sekolah kerajaan atau bantuan kerajaan</p> <p>(d) bangunan komuniti</p> <p>(e) bangunan kebajikan</p>	<p>RM1000 bagi setiap projek</p> <p>RM100 bagi setiap projek</p> <p>RM1000 bagi setiap projek</p> <p>RM100 bagi setiap bangunan</p> <p>RM100 bagi setiap bangunan</p>
3.	<p>Mana-mana pemaju atau orang yang membina tangki septik atau tangki septik komunal yang menghendaki suatu kemudahan pemprosesan enap cemar di luar tapak berhubung dengan bangunan spesifik seperti yang berikut:</p> <p>(a) bangunan kediaman kos rendah</p> <p>(b) rumah ibadat</p> <p>(c) sekolah kerajaan atau bantuan kerajaan</p> <p>(d) bangunan komuniti</p> <p>(e) bangunan kebajikan</p>	<p>RM1000 bagi setiap projek</p> <p>RM100 bagi setiap projek</p> <p>RM1000 bagi setiap projek</p> <p>RM100 bagi setiap bangunan</p> <p>RM100 bagi setiap bangunan</p>

Dibuat 24 Disember 2010

[KTAK: BP(S)9/9 Klt. 9; PN(PU²)660/VI]

DATO' SRI PETER CHIN FAH KUI
Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air

WATER SERVICES INDUSTRY ACT 2006
WATER SERVICES INDUSTRY (SEWERAGE CAPITAL
CONTRIBUTION FUND) REGULATIONS 2011

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

Regulation

1. Citation and commencement
2. Interpretation
3. Rates of contribution
4. Payment of contribution
5. Refund of over payment of contribution
6. Mode of payment

SCHEDULES

WATER SERVICES INDUSTRY ACT 2006

WATER SERVICES INDUSTRY (SEWERAGE CAPITAL CONTRIBUTION FUND)
REGULATIONS 2011

IN exercise of the powers conferred by subsection 172(2) and paragraph 179(c) of the Water Services Industry Act 2006 [*Act 655*], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Water Services Industry (Sewerage Capital Contribution Fund) Regulations 2011**.

(2) These Regulations come into operation on 1 January 2011.

Interpretation

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires—

“selling price” in relation to the price of—

- (a) building which is intended for sale and has been sold, excluding specific buildings, means the selling price specified in the sale and purchase agreement; or
- (b) residential building which is intended for sale but has not been sold, excluding specific buildings, means the selling price of that particular unit that has been submitted to the Controller for the application of an advertisement and sale permit under the Housing Development (Control and Licensing) Regulations 1989 [*P.U. (A) 58/1989*];

“specific buildings” means low costs residential building, government school, government-aided school, place of worship, community building and charitable building;

“Fund” means the Sewerage Capital Contribution Fund established under section 172 of the Water Services Industry Act 2006 [*Act 655*];

“market value” means the value of—

- (a) building which is not intended for sale, excluding specific buildings; or
- (b) building which is intended for sale but has not been sold, excluding residential building and specific buildings,

as valued by a registered valuer within three months before the contribution to the Fund is made;

“final inspection” means the inspection carried out by the Commission to determine that the sewerage system are constructed in accordance with the approved design and completed in functional condition;

“registered valuer” has the meaning assigned to it in section 2 of the Valuers, Appraisers and Estate Agents Act 1981 [Act 242];

“population equivalent” means the equivalent in terms of a fixed population of a varying or transient population for domestic wastes from sectors which includes residential, commercial and industrial that contribute flow to the sewerage treatment process.

Rates of contribution

3. (1) A contribution to the Fund made by any developer or person referred to in subsection 172(2) of the Act shall be at the rate as specified in the First Schedule.

(2) For the purpose of calculating the contribution for items 2 and 3 in the First Schedule, the population equivalent for the relevant types of premises or establishment shall be as specified in the Second Schedule.

(3) Notwithstanding subregulation (1), a contribution to the Fund made by any developer or person in relation to specific buildings shall be at the rate as specified in the Third Schedule.

Payment of contribution

4. The payment of contribution referred to in regulation 3 shall be made to the Commission in lump sum and in the case of—

- (a) a building which is connected to a public sewer, within thirty days before the notice of final inspection is submitted to the Commission by the developer or person mentioned in regulation 3;
- (b) a sewerage treatment works without a sludge processing facility or standby power generator or both, within thirty days before the notice of final inspection is submitted to the Commission by the developer or person mentioned in regulation 3; or
- (c) septic tank or communal septic tank that requires an off-sites sludge processing facility, upon the declaration of installation and completion in accordance with the approved design is submitted to the Commission by the developer or person mentioned in regulation 3.

Refund of over payment of contribution

5. (1) Where the developer or person mentioned in regulation 3 discovers that there has been an over payment of the contribution to the Fund, the developer or person may make a written application to the Commission for the refund of such over payment.

(2) The Commission shall, upon receiving the application and being satisfied that there has been an over payment of the contribution to the Fund, refund such over payment to the developer or person without interest within thirty days from the date of the verification of the over payment by the Commission.

Mode of payment

6. (1) A contribution to the Fund shall be made by a cashier's order, banker's order or bank draft to "Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara" and crossed with the words "Account Payee Only".

(2) The contribution shall be delivered personally or sent by prepaid post to the Commission.

(3) A receipt shall be issued by the Commission to the developer or person who made the contribution to the Fund.

FIRST SCHEDULE

[Subregulation 3(1)]

THE RATE OF CONTRIBUTION FOR BUILDINGS OTHER THAN SPECIFIC BUILDINGS

No.	Category of Contribution	Rate
1.	Any developer or person who constructs the following building and connects the building to a public sewer: <ul style="list-style-type: none"> (a) building which is intended for sale and has been sold; (b) residential building which is intended for sale but has not been sold; (c) building which is not intended for sale; (d) building which is intended for sale but has not been sold, excluding residential building in paragraph (b). 	<ul style="list-style-type: none"> 1.00% of selling price of each unit 1.00% of selling price of each unit 1.00% of market value of each unit 1.00% of market value of each unit
2.	Any developer or person who constructs a sewage treatment works without a sludge processing facility or standby power generator or both.	RM5 per population equivalent
3.	Any developer or person who constructs a septic tank or communal septic tank that requires an off-site sludge processing facility.	RM120 per population equivalent

SECOND SCHEDULE
[Subregulation 3(2)]
POPULATION EQUIVALENT

<i>Type of Premises/Establishment</i>	<i>Population Equivalent</i>
Residential	5 per house
Commercial	
Hotel	4 per room
Market (wet type)	3 per stall
Market (dry type)	1 per stall
Petrol kiosk/service station	15 per toilet
Bus terminal	4 per bus bay
Taxi terminal	4 per taxi bay
Stadium	0.2 per person
Swimming pool/sports complex	0.5 per person
Public toilet	15 per toilet
Airport	0.2 per passenger and 0.3 per employee
Laundry	10 per machine
Golf course	20 per hole
Others (Includes offices, shopping complex, entertainment/recreational centres, restaurants, cafeteria and theatres)	3 per 100 m ² gross area
Industrial	
Factory	0.3 per employee
Other type of premises	
Schools/Educational institutions:	
(a) Day school/institution	0.2 per student
(b) Fully residential	1 per student
(c) Semi-residential	0.2 per non-residential student and 1 per residential student
Prison	1 per person
Hospital	4 per bed

THIRD SCHEDULE
[Subregulation 3(3)]

THE RATE OF CONTRIBUTION FOR SPECIFIC BUILDINGS

<i>No.</i>	<i>Category of Contribution</i>	<i>Rate</i>
1.	Any developer or person who constructs the following specific buildings and connects the specific buildings to a public sewer:	
	(a) low costs residential building	RM1000 for each project
	(b) place of worship	RM100 for each project

No.	Category of Contribution	Rate
	(c) government or government-aided school (d) community building (e) charitable building	RM1000 for each project RM100 for each building RM100 for each building
2.	Any developer or person who constructs a sewage treatment works without a sludge processing facility or standby power generator or both in relation to the following specific buildings: (a) low costs residential building (b) place of worship (c) government or government-aided school (d) community building (e) charitable building	RM1000 for each project RM100 for each project RM1000 for each project RM100 for each building RM100 for each building
3.	Any developer or person who constructs a septic tank or communal septic tank that requires an off-site sludge processing facility in relation to the following specific buildings: (a) low costs residential building (b) place of worship (c) government or government-aided school (d) community building (e) charitable building	RM1000 for each project RM100 for each project RM1000 for each project RM100 for each building RM100 for each building

Made 24 December 2010

[KTAK: BP(S)9/9 Klt. 9; PN(PU²)660/VI]

DATO' SRI PETER CHIN FAH KUI
 Minister of Energy, Green Technology and Water

P.U. (A) 2.

AKTA KASTAM 1967

PERINTAH KASTAM (NILAI-NILAI) (ISIRONG KELAPA SAWIT) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 12 Akta Kastam 1967 [Akta 235], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kastam (Nilai-Nilai) (Isirong Kelapa Sawit) 2011** dan hendaklah berkuat kuasa bagi tempoh dari 1 Januari 2011 hingga 31 Januari 2011.

Pemungutan dan pembayaran duti kastam

2. Bagi maksud pemungutan dan pembayaran duti-duti kastam, menurut peruntukan-peruntukan Perintah Duti Kastam 2007 [*P.U. (A) 441/2007*], nilai bagi Isirong Kelapa Sawit yang jatuh di bawah nombor subkepala 1207.99 410 adalah RM3,208.62 satu tan.

CUSTOMS ACT 1967

CUSTOMS (VALUES) (PALM KERNEL) ORDER 2011

IN exercise of the powers conferred by section 12 of the Customs Act 1967 [*Act 235*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. This order may be cited as the **Customs (Values) (Palm Kernel) Order 2011** and shall have effect for the period from 1 January 2011 to 31 January 2011.

Levy and payment of customs duties

2. For the purpose of the levy and payment of customs duties, in accordance with the provision of the Customs Duties Order 2007 [*P.U. (A) 441/2007*], the value of Palm Kernel falling under subheading number 1207.99 410 shall be RM3,208.62 per tonne.

Dibuat 30 Disember 2010

Made 30 December 2010

[KE. HT(94)819/03-6/K1t. 10(02); Perb. (8.20) 116/1-4;
PN(PU²)338/VIII/K1t. 10(02)]

Dengan arahan Menteri Kewangan
By direction of the Minister of Finance

Bagi pihak dan atas nama Menteri Kewangan/
On behalf and in the name of the Minister of Finance

DATO' SITI HALIMAH BINTI ISMAIL
Setiausaha
Bahagian Analisa Cukai

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA